

Tentera bukan bermotif politik

Oleh Othman Mamat

LANGKAWI, Ahad — Perdana Menteri hari ini menyangkal dakwaan kononnya Kerajaan Persekutuan sedang memperkuatkan kedudukan tentera di Sabah dengan menambah jumlah anggotanya bagi menjaga kepentingan politik.

Sebaliknya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kehadiran anggota tentera di negeri itu semata-mata kerana mahu menjamin keadaan di negeri itu sentiasa tenteram dan tidak ada sebarang kaitan dengan politik.

"Setakat yang saya tahu jumlah tentera yang ditempatkan di Sabah biasa saja dan memang ada tentera di sana kerana di sana ada lanun, perompak dan samun-menyamun.

"Kita perlu tentukan keadaan di sana sentiasa tenteram dan tidak ada motif politik (apabila me-

nempatkan tentera di Sabah)," katanya kepada pemberita sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan kerja sehari di Langkawi.

Beliau mengulas pendudukan Panglima 5 Briged, Brig-Jen Datuk Jelani Asmawi mengenai rasa tidak senang di kalangan sesetengah masyarakat di Sabah dengan kehadiran anggota tentera di negeri itu.

Jelani berkata, ada segelintir masyarakat di Sabah tidak senang dengan kehadiran anggota tentera yang ditempatkan di negeri itu dalam melaksanakan tanggungjawab menjaga keamanan.

Menurutnya, kehadiran anggota tentera di negeri itu tidak berbau politik seperti yang didakwa sesetengah pihak, sebaliknya melaksanakan tugas menjaga kemananan negara, khususnya di Sabah.

Dakwaan itu dipercayai dibuat berikutan beberapa perkembangan yang menimbulkan ketegangan terhadap hubungan Kerajaan Pusat dan negeri,

termasuk krisis politik membabitkan Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Usno.

Dr Mahathir berkata, anggota tentera memang perlu ditempatkan di Sabah kerana negeri itu sering menjadi tumpuan penjenayah, terutama lanun, perompak dan penyamun.

Bagaimanapun katanya, jumlah anggota tentera yang ditempatkan di negeri itu ketika ini masih seperti dulu kerana tidak ada penempatan baru dibuat.

"Kita tidak tempatkan anggota tentera yang banyak di Sabah, malah (jumlah anggota tentera yang ada di negeri itu) macam biasa saja.

"Saya tidak tahu jika jumlah sekarang bertambah banyak. Setakat yang saya tahu, macam biasa saja," katanya.